

Nama ..... Tingkatan .....



ياسن اسلام كلنتن  
سکول یا اسلام کلنتن  
مذکور کلنجان سکول یا اسلام کلنتن  
جامعة مذکور کلنجان سکول یا اسلام کلنتن



1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2011  
 $2\frac{1}{2}$  jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

**BAHASA MELAYU**  
Kertas 2

**TINGKATAN 5**  
Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

**Soalan 1 : Rumusan****[30 markah]**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang sebab-sebab remaja tidak mahu hidupnya dikongkong dan faedah-faedah jika dikawal oleh ibu bapa mereka. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Secara umumnya, golongan remaja merujuk mereka yang berumur antara 13 tahun hingga 25 tahun. Remaja melalui zaman pertukaran dari peringkat zaman kanak-kanak ke peringkat bebas iaitu zaman dewasa. Pepatah Inggeris menyatakan bahawa zaman remaja umpama kehidupan kupu-kupu pada waktu malam yang sentiasa mencari tempat yang mempunyai sinaran matahari.

Perkembangan teknologi laman web sosial yang canggih menyebabkan remaja tidak mahu dirinya dikawal lagi. Mereka tidak mahu berinteraksi dengan keluarga malah sudah menganggap bahawa laman sosial menjadi teman hidupnya. Remaja hari ini sanggup memuaskan perasaan dan hatinya di rumah kawan, di sekolah, dan *di kafe siber*. Jika menggunakan laman sosial di rumah sudah pasti mereka akan ditegur dan dimarahi oleh ibu bapanya. Kadang-kadang mereka menganggap dirinya akan dikongkong oleh ibu bapanya walaupun berada seorang diri di dalam bilik menatap '*Facebook*' yang menjadi laman web terpenting di alam siber.

Generasi muda menganggap dirinya sudah berfikiran matang kerana melepas usia 18 tahun. Mereka merasakan bahawa dirinya tidak perlu lagi diberi nasihat, dikongkong, dan menerima teguran daripada ibu bapa kerana mereka mampu untuk membuat penilaian yang terbaik berdasarkan ilmu yang dipelajari semasa berada di bangku sekolah, kolej, dan universiti. Mereka menganggap bahawa usia 18 tahun bukannya masa yang sesuai untuk dikongkong dan dikawal oleh ibu bapa. Bahkan ada sesetengah remaja akan berasa malu apabila ia sentiasa bersama dengan ibu bapanya ketika pergi ke tempat-tempat tertentu.

Sebenarnya golongan remaja mempunyai jiwa suka hidup bebas apabila usianya meningkat alam dewasa. Mereka mahu melihat perkembangan semasa sama ada di dalam negeri atau di luar negeri. Mereka menganggap bahawa fikirannya akan tertutup atau tidak berkembang jika hanya asyik berada di rumah sahaja. Oleh itu, ibu bapa perlulah memahami situasi perubahan mental anak-anak. Kebebasan ini perlu diberikan kepada anak-anak supaya mereka pandai menyesuaikan diri mengikut keadaan semasa kerana mereka juga akan mencecah dewasa nanti. Kadang-kadang ada ibu bapa yang tidak menyedari akan perubahan sikap anak-anak seperti itu.

Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Malaya Dr. Mariani Mohd. Nor berkata, ketika kecil anak-anak akan patuh dan mendengar nasihat daripada ibu bapa. Apabila anak-anak meningkat dewasa, sifat murni itu sukar untuk dipertahankan kerana faktor pergaularan dengan rakan sebaya. Oleh itu pengaruh rakan sebaya menyebabkan remaja suka berada di luar rumah dan tidak suka dirinya dikawal oleh keluarganya di rumah. Remaja lebih suka berinteraksi dan meluahkan segala permasalahannya kepada rakan sebayanya. Sikap ibu bapa yang suka berleter dan selalu memarahi anak-anak menyebabkan remaja hilang kepercayaan terhadap keluarga mereka. Oleh itu mereka tidak akan berasa selesa tinggal di rumah dan menganggap dirinya seperti dipenjarakan.

Ibu bapa sangat gemar menelefon anak-anak ketika anak-anak menuntut di universiti. Tujuan mereka menelefon adalah untuk bertanya khabar tentang diri dan prestasi pelajaran anaknya. Kadang-kadang anak-anak tidak suka jika ibu bapa terlalu kerap menelefon kerana mereka menganggap bahawa dirinya selalu dikawal dan diperhatikan oleh ibu bapa mereka. Anak-anak akan berasa diri mereka tidak bebas untuk bergerak walaupun telah berada berjauhan dengan ibu bapa mereka.

Tegasnya, walaupun usia remaja sudah mencapai lebih 18 tahun, namun remaja tidak boleh menganggap dirinya boleh bebas seperti burung. Mereka masih lagi perlu menerima nasihat dan teguran daripada orang tua. Teguran dan nasihat yang diberikan oleh ibu bapa bukanlah bermakna cara tersebut dianggap sebagai kawalan ketat dan kongkongan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Perubahan hidup remaja*” oleh Siti Hajar binti Ismail, Dewan Siswa, Jun 2010)

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *di kafe siber*.

[2 markah]

- (ii) Mengapa ada sesetengah remaja tidak suka akan sikap ibu bapa yang terlalu kerap menelefonnya semasa berada di universiti?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, mengapa remaja yang berusia melebihi 18 tahun masih lagi perlu menerima nasihat daripada orang tua?

[4 markah]

### Soalan 2 (b) Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SANI: (*Terasa dengan sindiran SABARIAH tetapi tetap bersabar*) Kakak, jangan cakap begitu, kak.

SABARIAH: Habis kau hendak suruh buat macam mana? Cium kau? Sujud dekat kaki kau? Jangan hendak perasan, Sani. Jangan hendak tunjuk baik kau itu. Yang hilang itu bapa aku. Bapa aku. Kau tidak ada kena-mengena dalam perkara ini.

SANI: Kak..... Bukan itu maksud Sani, kak....

SABARIAH: Jangan panggil aku kakak kau.

SABRI: Angah! (*Cuba meleraikan pertengkaran*)

SABARIAH: Kau ingat, Sani! Aku lebih dulu makan garam daripada engkau. Kau jangan hendak memandai-mandai. Kaubuat urusan engkau sendiri. Jangan campur urusan orang. Sudah mak, mari balik. Emak raung dengan air mata darah pun sudah tidak berguna lagi. Bapa sudah tidak ada. Mayatnya mungkin sudah hilang.

SABRI: (*Meluru ke arah SABARIAH*) Hiss, apa ini angah? Jangan ditengking herdik Sani tu. Tidak tengok emakkah? Jaga sikit mulut itu.

MAK JAH: Sia-sia saja sekolah tinggi. Sombong tidak kena tempat. (*Terasa kecewa lalu pergi dari situ. SHAHRUL jadi gelisah melihat gelagat kakaknya*)

SABARIAH: Abang pun hendak biarkan emak macam ini? Sampai bila hendak tunggu? Sampai bila? Sampai air laut kering? Ini samalah abang hendak seksa emak. Sabariah berani potong jari kalau bapa masih hidup.

*JIMAH amat terasa dengan kata-kata SABARIAH. Dia berjalan semakin jauh meniti gigi air membawa diri. SANI tetap mengekor emaknya. WAN yang tadi duduk memerhatikan dari jauh terus bergegas ke arah JIMAH. Dia merasakan dia perlu bersama-sama dengan mentuanya.*

(Dipetik daripada drama “*Tiang Cengal Dinding Sayung*,” oleh Suriani Mohd. Yusof, dalam *Antologi Dirgahayu Bahasaku*, DBP, 2010)

(i) “*Sabariah berani potong jari kalau bapa masih hidup*” Apakah maksud tersirat kata-kata Sabariah itu?

[2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah pertelingkahan sering berlaku dalam kalangan keluarga?

[4 markah]

(iii) Huraikan dua nilai yang terdapat dalam petikan di atas dan satu nilai lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[3 markah]

**Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ujar oleh Inderaputra, "Hai, adinda tuan puteri adapun kakanda ini anak Maharaja Bikrama Buspa dan kakandalah yang sebenar-benarnya bernama Inderaputra disebut oleh orang!" Maka diceterakannya oleh Inderaputra dari awalnya permulaannya itu sampailah kesudahannya kepada Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran itu. Setelah sudah tuan puteri mendengar akan cetera oleh Inderaputra itu maka tuan puteri pun terlalu amat hairan.

Hatta maka peri yang menggunakan tasik itu pun datanglah. Maka ujar bidadari itu, "Ya tuan puteri, segeralah tuanku minta baju kita kerana yang menunggu tasik ini kelak datang diberinya pula tahu kepada paduka ayahanda itu."

Maka sahut oleh Inderaputra, "Hai saudaraku, janganlah saudaraku takut akan dia itu, kerana ia pun neneh kepada hamba."

Maka peri itu pun datang seraya tertawa-tawa dan tuan puteri pun berceterakanlah hal ehwalnya telah berjanji dengan Inderaputra itu.

Maka kata peri itu, "Ya tuanku tuan puteri, apalah salahnya tuan puteri bersaudara dengan Inderaputra kerana ia pun anak raja besar."

Setelah tuan puteri mendengar kata yang demikian itu maka bertambah-tambah kasih akan Inderaputra itu dan berkata segala bidadari itu, "Ya tuanku tuan puteri, segeralah tuan puteri kembali kerana mahligai kita sunyi senyap."

Maka berkatalah Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran, "Hai kakanda, berilah mari bajunya beta itu dan gemala hikmat itu hamba berikan kepada kakanda!"

Maka diambil oleh Inderaputra baju itu lalu diberikan kepada tuan puteri.

Maka kata tuan puteri, "Hai kakanda, jikalau hendak akan hikmat itu marilah kakanda pergi ke mahligai hamba itu!"

(Dipetik daripada "Dua Geliga Hikmat"  
dalam *Antologi Dirgahayu Bahasaku*,  
DBP, 2010)

- (i) Siapakah Inderaputra itu? [2 markah]
- (ii) Apakah yang diperkatakan oleh Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran kepada Inderaputra? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat zaman dahulu mempercayai akan geliga hikmat? [3 markah]

[ Lihat sebelah  
**SULIT**

**Soalan 2 (d) Puisi**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**ADAT SEZAMAN**

Peradaban zaman semakin berlalu  
meninggalkan kesan mendalam  
terlalu indah apabila dipandang  
terlalu mulia apabila diselidik  
santun dara jadi idaman  
warak si teruna jadi ikatan  
si tua tersenyum mesra  
memandang teruna dara  
sama cantik sama padan  
berganding bersama  
di singgahsana.....

Masa itu telah jauh  
zaman sudah berlalu  
santun sang dara  
dan warak sang teruna telah lenyap  
si tua berduka lara  
memandang teruna dara  
berganding tanpa silu  
tanpa hormat  
tanpa batasan  
adat sezaman ditinggal jauh  
adat agama dipandang remeh  
adat kuning jadi ikutan.

**Wan Nazihah Wan Abdullah**  
*Antologi Harga Remaja*, DBP, 2009.

- (i) Mengapakah penyajak menyatakan bahawa si tua berduka lara?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengekalkan adat warisan budaya nenek moyang kita?  
[4 markah]
- (iii) Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas.  
[3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

- (a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap kata majmuk di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.
- (i) salah faham
  - (ii) salah guna
  - (iii) sara hidup
  - (iv) senarai hitam
  - (v) serba salah
  - (vi) soal siasat
- [6 markah]

- (b) Tukar ayat cakap pindah di bawah kepada ayat cakap ajuk tanpa mengubah maksudnya.

Ahmad bertanya khabar kepada Kamarul. Kamarul memberitahu bahawa dia berada dalam keadaan baik. Kemudian Ahmad mengucapkan tahniah atas kejayaan Kamarul yang memperoleh tempat pertama dalam pertandingan pidato itu. Kamarul mengucapkan terima kasih kepada Ahmad atas ucapan tahniah itu. Ahmad ingin belajar daripada Kamarul. Kamarul bersedia untuk membantu rakan-rakan di sekolah agar memperoleh kejayaan pada masa akan datang.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Rakyat Malaysia perlu mendokong cita-cita perpaduan dan menjamin kesejahteraan negara sebagaimana yang dihasrat dalam lirik lagu Negaraku.
- (ii) Agama Islam telah mengembang ke seluruh pelusuk Nusantara dalam abad ke-16 yang berpusat di Melaka dan Sumatera.
- (iii) Buku yang ditulis oleh ilmuwan terkenal itu laris jualan sehingga mencecah 30 ribu naskhah dalam tempoh dua tahun.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Amalan saling kunjung-mengunjungi ke rumah jiran tanpa mengira keturunan sangat penting untuk mengukuhkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat di negara kita.
- (ii) Beberapa orang kanak-kanak yang sedang bermain di taman itu lari berkeliaran bila dikejar oleh seekor anjing.
- (iii) Setelah didapati bersalah, pihak peguam bela akan memfaillkan kes kepada mahkamah dan hukuman dapat diringankan.

[6 markah]

(e) Nyatakan satu peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- (i) Upacara bersanding dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu kerana masih menjadi amalan dan semakin popular dalam kalangan generasi muda hari ini.
- 
- (ii) Rogayah telah dimarahi oleh ibunya kerana keluarga mereka telah menjadi hina dan mendapat malu akibat perbuatan buruknya sendiri bak kata pepatah
- 
- (iii) Pinjaman perniagaan yang dipohon oleh Encik Bakar sudah pun diluluskan oleh pihak Bank Islam Malaysia Berhad dan dia hanya menunggu masa sahaja untuk memulakan perniagaannya sendiri bak kata pepatah
- 

[6 markah]

**Sealan 4 : Novel***[15 markah]*

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (ii) Papa... (*akhirnya kau tewas juar*) karya Deana Yusof
- (iii) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vi) Interlok karya Abdullah Hussin
- (vii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

- (a) Watak utama dalam sesebuah novel sering dipaparkan oleh pengarang sebagai watak yang mengalami konflik.

Huraikan **dua** konflik yang dialami oleh watak utama dalam sebuah novel yang anda pelajari dan bagaimanakan konflik itu dapat diselesaikan olehnya?

*[7 markah]*

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah pelajari, bandingkan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

*[8 markah]*